

TARIKH	SELASA, 18 JANUARI 2022
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	INISIATIF PENDIDIKAN 5G
M/S	34
BIDANG	SCIENCE AND TECHNOLOGY
KATA KUNCI	TECHNOLOGY UTILIZATION

34 | #ITMETRO

HARIAN METRO  
SELASA 18 JANUARI 2022



SISTEM jaringan 5G bukan saju dapat memberi manfaat besar untuk pengguna serta industri, malah pelajar serta pengajian tidak terkecuali menerima faedahnya.

# INISIATIF PENDIDIKAN 5G

Beri manfaat besar pada pelajar serta pensyarah akses sumber pembelajaran digital berkualiti



**KEWUJUDAN** jaringan pantas itu membolehkan beberapa teknologi seperti robotik dan pemanduan automatik dalam kenderaan pintar berkembang

**FOKUS**

Oleh Muhammad Saufi Hassan  
saufi@mediaprima.com.my

Era jaringan telekomunikasi termaju iaitu rangkaian Generasi Kelima (5G) semakin hampir dan Malaysia tidak terkecuali dalam melaksanakan transformasi jaringan ketersalinghubungan di seluruh negara.

Difahamkan, negara sedang giat membangunkan infrastruktur asas kepada sokongan jaringan 5G berkenaan sebelum ia memasuki fasa komersial tidak lama lagi untuk pengguna dan pemain industri.

Sistem jaringan 5G berkenaan bukan saju dapat memberi manfaat yang besar untuk pengguna serta industri, malah pelajar serta pengajian tidak terkecuali menerima faedahnya.

Sedar terhadap keperluan berkenaan, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) bersama Digital Nasional Berhad (DNB) dan pemain utama teknologi, Ericsson mengumumkan kerjasama dalam satu inisiatif pendidikan 5G di Malaysia untuk mendidik pelajar di negara ini mengenai 5G dan teknologi baharu.

Kerjasama ini membolehkan pelajar UTM mengambil bahagian serta menyumbang kepada ekonomi digital negara dan transformasi Industri 4.0.

Antara negara terawal yang berjaya melaksanakan

fasa komersial adalah Korea Selatan dan hasilnya begitu memberangsangkan untuk sektor pendidikan, industri dan semua segmen rantaian lain.

Dunia kini dalam proses untuk menggunakan pakai secara meluas teknologi jaringan 5G yang nyata memberi manfaat kepada semua pihak dan jaringan itu mampu mencapai kelajuan 20Gbps.

Kewujudan jaringan pantas itu membolehkan beberapa teknologi seperti robotik dan pemanduan automatik dalam kenderaan pintar berkembang.

Sebelum ini, saintis menghadapi kesukaran apabila sistem Kecerdasan Buatan (AI) dan robotik yang digunakan untuk

DISEDIAKAN OLEH	<b>1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM</b> <b>2-CARLOS LINTON (S19), BPM</b> UNIT PERPUSTAKAAN, BPM
--------------------	---